

# SUDUT PAK-21

Round

Table

<b>Bab 1</b>	Ekonomi dan Kerajaan
<b>Subtajuk</b>	Peranan Kerajaan dalam Ekonomi
<b>Standard pembelajaran</b>	Menjelaskan peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif.
<b>Persiapan awal</b>	Sehelai kertas sebak ( <i>mahjong paper</i> ), kertas edaran dan pen penanda.
<b>Objektif</b>	Membantu murid untuk mencadangkan tindakan dan strategi yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengawal eksternaliti negatif berdasarkan situasi yang diberi.
<b>Aktiviti</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid-murid dibahagikan kepada lima atau enam kumpulan.</li> <li>2. Setiap kumpulan diberi tugas yang menunjukkan satu isu alam sekitar.</li> <li>3. Ketua kumpulan berbincang dengan ahli kumpulan tentang tugas yang diberi.</li> <li>4. Setiap ahli kumpulan mencadangkan tindakan atau strategi untuk menyelesaikan isu yang diberikan.</li> <li>5. Setiap ahli kumpulan akan mencatatkan tindakan atau strategi yang dicadangkan dalam kertas sebak.</li> <li>6. Ketua kumpulan menjelaskan hasil perbincangan dan menjawab soalan daripada ahli kumpulan lain.</li> </ol> <p>Contoh kertas edaran:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p style="text-align: center;"><b>Pencemaran Pasir Gudang: Tindakan keras menanti - PM</b></p> <p>KUALA LUMPUR: Kerajaan akan ‘memburu’ dalang di sebalik insiden pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor dan mengenakan tindakan undang-undang keras terhadap mereka, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.</p> <p>Perdana Menteri ketika mengutarakan pendirian tegas itu, berkata insiden pencemaran di daerah dekat timur Johor itu amat mendukacitakan dan tidak sepatutnya berlaku, memandangkan kejadian sama membabitkan bahan toksik pernah melanda kawasan sama di Sungai Kim Kim.</p> <p>“Ini amat dukacita, sepatutnya selepas insiden yang dulu, ia tidak berlaku lagi, tapi kita nampak bahawa ada industri yang tidak begitu prihatin terhadap keselamatan, sebab itu kita perlu kenal pasti siapa yang mencemarkan persekitaran di situ”.</p> <p>“Kita akan ambil tindakan yang keras terhadap mereka,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan bertajuk ‘Malaysia Baharu Dalam Perubahan Pemerintahan Serantau, sempena Meja Bulat Asia-Pasifik Ke-33, di sini, hari ini.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Sumber: www.bharian.com.my)</i></p> </div>